

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
[ BATU ]**

**TARIKH : ISNIN, 3 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : L8 [PR-1323-L64715 ]**

**SOALAN :**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa banyakkah perbelanjaan untuk mengurangkan banjir di kawasan Kuala Lumpur semenjak tiga tahun yang lalu. Adakah pihak kementerian menjalankan tinjauan berkesan terhadap perbelanjaan untuk mengurangkan banjir.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, semenjak tiga tahun yang lalu, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membelanjakan RM 123.655 juta untuk menjalankan kerja-kerja penyenggaraan dan pembersihan sungai, kolam takungan banjir dan parit induk serta melaksanakan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan dan rumah pam kawalan banjir di sekitar kawasan Kuala Lumpur, iaitu RM 49.681 juta pada tahun 2011, RM 33.919 juta pada tahun 2012 dan RM 40.055 juta pada tahun 2013.

Di samping itu, melalui Program *River of Life*, Kerajaan juga melaksanakan projek untuk menaik taraf kolam-kolam takungan berskala besar dan saluran sungai-sungai utama di Kuala Lumpur untuk mengawal kuantiti dan kualiti pengaliran air sungai.

Pada tahun 2013, Kerajaan juga telah meluluskan bajet tebatan banjir khas sebanyak RM 6.0 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk membina dinding pencegahan banjir di sepanjang Sungai Batu di sekitar Taman Kolam Ayer dan Kampung Kasipillay.

Pihak Kementerian sentiasa memantau dan memastikan perbelanjaan projek-projek tebatan banjir adalah berkesan dan '*value-for-money*'.

Di samping melaksanakan projek-projek menaik taraf sistem saluran, Kementerian juga melaksanakan inisiatif lain untuk mengurangkan impak dan kemungkinan banjir yang berpunca daripada kawasan pembangunan swasta dengan mengenakan syarat-syarat kepada

pemaju untuk melaksanakan langkah 'Kawalan Pada Punca' seperti pembinaan '*On-Site Detention (OSD) Pond*', '*Rainwater Harvesting (RWH)*' dan pelaksanaan langkah-langkah kawalan hakisan tanah dan mendapan di sistem saliran.